

TEKS UCAPAN
Y.A.A. TUN RAUS SHARIF
KETUA HAKIM NEGARA

SEMPENA

MAJLIS PENUTUP

PERTANDINGAN DEBAT BAHASA
MELAYU, UNDANG-UNDANG DAN
MASYARAKAT PIALA KETUA HAKIM

NEGARA 2018

15 APRIL 2018 (AHAD) / 8.00 MALAM

PERSADA CANSELORI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Roslee Rajikan
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yang berbahagia Prof. Dr. Zinatul Ashiqin Zainol
Dekan Fakulti Undang-Undang, UKM

Yang dihormati
Dekan Fakulti Undang-Undang
Universiti Awam dan Swasta,

Dif-dif kehormat,

Peserta-peserta Pertandingan Debat,

Pelajar-pelajar undang-undang yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan anugerah-Nya juga kita dapat sama-sama hadir pada Majlis Penutup Pertandingan Debat Bahasa Melayu, Undang-Undang dan Masyarakat, Piala Ketua Hakim Negara 2018.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada jawatankuasa pelaksana pertandingan debat ini yang telah berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi memastikan pertandingan debat selama tiga hari ini berlangsung dengan jayanya.
3. Saya juga ingin menyampaikan sekalung **tahniah** kepada peserta pertandingan debat yang terdiri daripada para pelajar undang-undang universiti-universiti awam dan swasta kerana telah berjaya menyahut cabaran untuk menyertai pertandingan debat ini. Pengalaman yang anda semua lalui amatlah berguna dan saya percaya akan menjadi kenangan manis yang kekal diingati oleh semua peserta. Bagi pelajar undang-undang yang tidak menyertainya, tetapi turut sama hadir dan menyaksikan bagaimana kawan-kawan anda berhujah, saya pasti anda semua mampu untuk berbuat perkara yang sama, hanya memerlukan keberanian untuk menyahut cabaran menyertai pertandingan debat seperti ini.

4. Saya dimaklumkan bahawa Pertandingan Debat Bahasa Melayu, Undang-undang dan Masyarakat Piala Ketua Hakim Negara ini merupakan pertandingan yang dianjurkan oleh Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sejak tahun 2007 lagi. Sebelum pertandingan pada tahun ini, pertandingan sebegini telah dianjurkan sebanyak lima kali oleh UKM. Selepas 10 tahun berlalu, pertandingan debat ini telah berjaya dianjurkan untuk kali keenam. Sudah pasti tahun ini merupakan tahun yang cukup bermakna bagi UKM amnya dan Fakulti Undang-Undang khasnya kerana sentiasa konsisten dalam misi memartabatkan dan mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa perundangan di Negara ini melalui **Pertandingan Debat Bahasa Melayu, Undang-Undang dan Masyarakat, Piala Ketua Hakim Negara.**

Syabas saya ucapkan!

5. Bagi pihak Badan Kehakiman, saya juga turut berbangga kerana Badan Kehakiman terlibat sebagai pengajur bersama sejak tahun 2007. Saya amat berharap Badan Kehakiman akan sentiasa terlibat sebagai pengajur bersama bagi

program sebegini dalam usaha memartabatkan Bahasa Melayu yang merupakan Bahasa Kebangsaan Negara kita yang sewajarnya digunakan secara meluas dalam bidang perundangan dan kehakiman.

Hadirlin yang dihormati sekalian,

6. Saya turut dimaklumkan bahawa Pertandingan ini terbuka kepada pelajar-pelajar tahun akhir sahaja dari universiti awam dan universiti swasta. Saya berpandangan pertandingan seperti ini adalah satu cara yang baik untuk meningkatkan kebersediaan pelajar-pelajar ini melangkah ke dalam profesi undang-undang. Pertandingan seperti ini dapat memperkasa pemikiran kreatif dalam mengembangkan sebarang idea dan gagasan memantapkan daya intelek bakal graduan undang-undang dan menggilap keberanian pelajar undang-undang untuk berhujah bagi mempertahankan idea-idea dan gagasan mengikut pendirian kumpulan masing-masing. Konsep yang dipilih oleh pengajur pula, iaitu “**Undang-Undang dan Masyarakat**”, sudah

pastinya mengetengahkan isu-isu semasa yang berlaku dalam dunia perundangan dan kehakiman di negara ini sebagai isu perdebatan. Ini penting kerana ia selari dengan tuntutan semasa yang memerlukan pelajar-pelajar yang menamatkan pengajian di universiti supaya mempunyai pemikiran yang holistik dan peka kepada isu-isu semasa.

7. Untuk makluman semua, Badan Kehakiman menyokong penuh aktiviti yang berkaitan dengan penggunaan Bahasa Melayu yang tepat dari segi tatabahasa dan laras bahasa seperti yang digunakan semasa pertandingan debat ini kerana aktiviti sedemikian dapat memantapkan penggunaan Bahasa Melayu dalam bidang perundangan dan kehakiman negara ini.
8. Suka saya menarik perhatian semua yang hadir kepada **Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan** yang mengisyiharkan bahawa bahasa kebangsaan Malaysia ialah bahasa Melayu. Saya juga ingin menarik perhatian hadirin kepada Akta Bahasa Kebangsaan

1963/67 [Akta 32], yang telah digubal untuk memperkasa penggunaan Bahasa Melayu.

9. Saya mulakan dengan **seksyen 6 Akta 32** yang menetapkan teks yang sahih bagi undang-undang yang digubal oleh Parlimen dan Dewan Undangan Negeri:

6. Teks—

- (a) bagi segala Rang Undang-Undang yang akan dikemukakan atau pindaan-pindaan kepadanya yang akan dicadangkan dalam Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan Negeri;
- (b) bagi segala Akta Parlimen dan segala perundangan kecil yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan;
- (c) bagi segala Enakmen dan perundangan kecil yang dikeluarkan oleh mana-mana Kerajaan Negeri; dan
- (d) bagi segala Ordinan yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong,

hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa Inggeris, dan teks dalam bahasa kebangsaan itu adalah sahih melainkan jika Yang di-Pertuan Agong menetapkan sebaliknya sama ada secara am atau bagi mana-mana undang-undang atau jenis undang-undang yang tertentu.

10. Seterusnya, saya ingin merujuk kepada **seksyen 7 Akta 32** yang membuat peruntukan tentang status undang-undang bertulis yang diperbuat sebelum Akta 32 ini berkuat kuasa, iaitu:

7. (1) Jika mana-mana undang-undang bertulis yang dikanunkan sebelum satu hari bulan September 1967 telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan, maka Yang diPertuan Agong boleh menetapkan terjemahan undang-undang itu sebagai sahih.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen 6 boleh dipakai bagi pindaan kepada mana-mana undang-undang bertulis yang dikanunkan sebelum satu hari bulan September 1967, sehingga undang-undang bertulis itu telah

diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan dan terjemahan itu telah ditetapkan sebagai sahih.

11. **Seksyen 8 Akta 32** pula adalah mengenai bahasa yang digunakan di Mahkamah. Seksyen 8 memperuntukkan bahawa:

Segala prosiding (melainkan keterangan yang diberi oleh seseorang saksi) dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris atau sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris;

Dengan syarat bahawa Mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding itu, memerintahkan supaya prosiding itu (melainkan keterangan yang diberi oleh seseorang saksi) dijalankan sama ada kesemuanya dalam bahasa kebangsaan atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris.

12. Berdasarkan peruntukan inilah maka—

- (a) naskhah sahih hampir kesemua undang-undang yang digubal, adalah dalam Bahasa Melayu;
- (b) beberapa akta yang digubal sebelum 1 September 1967 telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan naskhah Bahasa Melayu itu telah ditetapkan sebagai naskhah sahih; dan
- (c) Mahkamah menyokong penggunaan Bahasa Melayu di Mahkamah melalui Arahan Amalan yang diedarkan kepada pengamal undang-undang, iaitu Pekeliling Hakim Besar Malaya No. 2 Tahun 1990.

13. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa penggunaan Bahasa Inggeris dibenarkan di Mahkamah tetapi hanya dalam keadaan tertentu iaitu, Mahkamah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan pihak-pihak dalam mana-mana prosiding dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding tersebut, boleh membenarkan agar prosiding itu dijalankan sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan

sebahagian lagi dalam Bahasa Inggeris. Sebagai contoh, bagi kes-kes berkaitan dengan harta intelek dan kes-kes komersial, prosiding adalah lebih sesuai dalam Bahasa Inggeris memandangkan terma-terma dan bahan-bahan rujukan kebanyakannya adalah dalam Bahasa Inggeris.

14. Pada hemat saya, kemahiran menggunakan Bahasa Melayu yang betul, sama ada dalam penulisan mahupun pertuturan amat penting kepada semua pengamal undang-undang di Malaysia. Kemahiran sedemikian memberi satu kelebihan kepada seseorang graduan undang-undang dan persaingan pasaran pekerjaan dengan lebih mudah.
15. Walau bagaimanapun, untuk memudahkan anda diambil bekerja oleh firma guaman dan syarikat yang mempunyai anak guam dari luar negara pula, penggunaan Bahasa Inggeris amatlah penting. Saya bercakap melalui pengalaman dan saya berharap anda semua bersedia untuk menempuh alam pekerjaan yang sememangnya lebih mencabar sekarang ini. Oleh itu, nasihat

saya juga, mantapkan penguasaan anda dalam kedua-dua Bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

16. Sebelum saya berundur diri, saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Kepada pasukan yang bakal dinobatkan sebagai Juara Pertandingan Debat pada malam ini, “**Syabas**” saya ucapkan. Kepada pasukan yang bakal diumumkan sebagai Naib Juara, tahniah juga saya ucapkan. Ini kerana, menang dan kalah adalah adat pertandingan. Anda semua perlu melaluinya. Apabila berada dalam alam pekerjaan kelak, banyak lagi cabaran yang bakal ditempuhi. Mungkin anda memilih untuk menjadi peguam dan apabila berhujah di Mahkamah kelak, ada masa hujah anda diterima oleh Hakim dan keputusan Hakim menyebelahi anda. Ada ketikanya pula, Hakim memutuskan untuk tidak menyebelahi anda. Dengan itu, nasihat saya, belajar menerima setiap kegagalan dengan fikiran yang terbuka. Pasti anda akan berjaya, dengan Izin Yang Maha Kuasa.

17. Akhir kata, dengan lafaz **“Bismillahirrahmanirrahim”** saya dengan ini merasmikan Majlis Penutup Pertandingan Debat Bahasa Melayu, Undang-Undang Dan Masyarakat, Piala Ketua Hakim Negara 2018.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh